



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ISLAMIC ETHICS**  
**KOD KURSUS : DPI 1053**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (30 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 17 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Mengikut Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka maksud akhlak ialah
  - A. tingkah laku dan amalan yang baik atau pegangan berkenaan dengan amalan nilai baik atau buruk sesuatu perbuatan
  - B. budi pekerti, kelakuan, watak, pengetahuan berkaitan kelakuan dan tingkah laku manusia dan sebagainya sama ada baik atau jahat
  - C. satu ilmu yang membahaskan masalah-masalah dalaman manusia khasnya yang mengupas hal-hal kejiwaan
  - D. cara atau jalan yang memperlihatkan sesuatu yang berbentuk zahir.
2. Perlakuan bermoral merangkumi tiga (3) perkara iaitu
  - A. Pergerakan, diri dan jasmani
  - B. Tingkah laku, perasaan dan pemikiran
  - C. Tatatertib, hati perasaan dan fikiran
  - D. Perbuatan, naluri dan rohani,..
3. Berikut adalah kepentingan Pendidikan Moral dalam negara Malaysia
  - A. Darjat seseorang diturunkan
  - B. Mempunyai hubungan yang kuat dengan iman
  - C. Pembentukan sahsiah terpuji sebagai benteng pertahanan dalam menghadapi masalah dan krisis nilai dalam arus globalisasi
  - D. Tidak mempunyai hubungan dengan ibadah

4. Hubungan aqidah dengan akhlak ialah
- A. akhlak yang lagi penting dari aqidah yang benar
  - B. akhlak yang baik atau buruk tidak dapat menentukan aqidah yang sebenar
  - C. akhlak yang buruk boleh memperkuatkan aqidah dan ibadah
  - D. boleh memperkuat aqidah dan menjalankan ibadah dengan baik dan benar jika mempunyai akhlak yang baik
5. Akhlak dapat dibentuk dengan baik jika
- i. Berasaskan kesedaran seseorang dan hidayah dari Allah
  - ii. Mengharapkan balasan dari akhlak yang baik
  - iii. Bergaul dengan kaya dan berpangkat ilmu
  - iv. Keazaman yang tinggi
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii
6. Di dalam Konvensyen Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik 1966 dan Konvensyen Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966 hak asasi manusia tidak berbatas kepada
- i. Hak kebebasan bercakap
  - ii. Hak kebebasan pendidikan
  - iii. Hak kebebasan beragama
  - iv. Hak kebebasan bersukan
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii

7. Ciri-ciri orang yang amanah ialah orang yang

- A. berkata banyak
- B. mempunyai banyak duit
- C. membawa kepercayaan
- D. memberi kehormatan

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَأَخْلَصُوا دِينَهُمْ لَهُ

8. Dari ayat 146 surah An-Nisa di atas menerangkan satu akhlak yang terpuji iaitu

- i. Ikhlas
  - ii. amanah
  - iii. bertaubat
  - iv. saling membantu
- 
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii

9. Akhlak Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri yang tertentu. Manakah antara berikut ciri-ciri akhlak Islam
- i. sempurna
  - ii. berganjaran
  - iii. sejagat dan selari
  - iv. merubah rubah
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. ii, iv  
D. i, ii, iii
10. Ilmuwan barat mengiktiraf Rasulullah sebagai manusia yang mengubah peradaban manusia dari zaman jahiliyah sehingga Islam yang keberapa?
- A. Pertama
  - B. Kedua
  - C. Ketiga
  - D. Keempat
11. Seseorang mukmin akan sentiasa berterima kasih kepada Allah atas segala nikmat yang diberikan. Ini adalah salah satu sifat mahmudah iaitu
- A. menghormati
  - B. bersiap sedia
  - C. menolong
  - D. bersyukur

12. Manhaj Islam dalam pembentukan akhlak terdiri daripada berikut

- i. Akhlak dengan masyarakat
  - ii. Akhlak dengan keluarga
  - iii. Akhlak dengan diri
  - iv. Akhlak dengan hati
- A. i, ii  
 B. i, iii  
 C. ii, iv  
 D. i, ii, iii

13. Untuk berakhlik baik pasti ada cabaran dan halangan. Berikut adalah halangan luaran KECUALI

- A. Mengikuti perbincangan agama dengan kawan
- B. menyertai perlumbaan lumba haram dengan kawan
- C. mengikuti percutian kapal di bawah anjuran agama kristian
- D. menyertai pertandingan nyanyian KPOP di bawah syarikat Korea

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَا إِنِّي أَبْرُأُ إِلَى كُلِّ خَلِيلٍ مِنْ خُلُّتِهِ وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا  
 خَلِيلًا لَا تَحْكُمُ أَبَا بَكْرٍ خَلِيلًا إِنَّ صَاحِبَكُمْ خَلِيلُ اللَّهِ

14. Berdasarkan hadith berikut, siapakah nama sahabat rasulullah s.a.w di atas?

- A. Abu Bakar al-Sidiq
- B. Umar al-Khatab
- C. Othman al-Affan
- D. Ali bin Abi Talib

15. Siapakah para ulama yang terakhir memeluk agama Islam dan keesokan harinya beliau telah menjadi pengikut Rasulullah s.a.w yang paling kuat dan ikhlas serta memiliki kesempurnaan iman?

- A. Abdullah Abas
- B. Abdullah Umar
- C. Muawiyah Abu Suffian
- D. Muadz Jabal

16. Bagaimana cara Rasulullah minum air selepas makan?

- A. Satu kali tegukan
- B. Dua kali tegukan
- C. Tiga kali tegukan
- D. Empat kali tegukan

Soalan 17 & 18 berdasarkan petikan di bawah

Daripada Abu Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;  
Orang yang kuat bukanlah yang pandai bergusti, namun orang kuat adalah orang yang memiliki jiwanya ketika ia sedang marah. (Riwayat Bukhari)

17. Hadith di atas berkaitan dengan akhlak mahmudah iaitu

- A. Sabar
- B. Diam
- C. Sopan
- D. Gembira

18. Ciri-ciri sifat di atas seperti berikut

- A. mengatur kerja dengan baik
- B. mengundur diri dan berserah pada takdir
- C. pantang menyerah dan mencari kesalahan yang benar.
- D. tidak mudah mengeluh dan tidak melihatkan kesedihan pada umum

19. Redha mempunyai beberapa tingkat menurut tokoh-tokoh tasawuf. Tingkat-tingkat tersebut ialah

- i. awwam
  - ii. khawwas
  - iii. khawasul awwam
  - iv. ba'dhu
- 
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii

20. Rasulullah telah melakukan beberapa perkara dalam pembinaan masyarakat sejagat seperti berikut

- i. Pertelegahan seluruh rakyat
  - ii. Perjanjian antara orang Islam dan bukan Islam
  - iii. Pemberian hak menurut kekayaan
  - iv. Agihan harta yang adil
- 
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii

21. Pengurusan kewangan yang bijak dapat mengimbangi perbelanjaan di dalam kehidupan seorang mahasiswa. Terdapat dua aspek utama dalam pengurusan kewangan Islam

- A. Perbelanjaan dan pelaburan
- B. Sumber dan perbelanjaan
- C. Hutang dan perbelanjaan
- D. Sumber dan hutang

22. Agama membawa manusia melangkaui batasan kebendaan. Agama membawa kita merenung persoalan ciptaan yang kemudiannya akan merangsang \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ untuk bertanya sama ada dunia hanya sekadar kehidupan kebendaan atau membawa nilai penuh keinsanan.

- A. Hati dan badan
- B. Otak dan badan
- C. Akal , hati
- D. Fikiran dan anggota badan

23. Berikut adalah prinsip-prinsip akhlak yang mulia

- i. *ghodibah*
- ii. *hikmah*
- iii. *saadah*
- iv. *iffah*

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii, iv
- D. i, ii, iii

*Salah satu kes jenayah yang cukup berleluasa di negara kita pada masa kini adalah ragut. Mengapakah jenayah ini semakin meningkat setiap hari.*

24. Berdasarkan kenyataan di atas, pilih punca yang betul terhadap kes tersebut.

- i. Desakan hidup
  - ii. Dapat duit cepat
  - iii. Kawasan tidak selamat
  - iv. Untuk membangunkan masjid
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. ii, iv  
D. i, ii, iii

*Pelacuran adalah penjualan khidmat seksual, seperti seks oral atau hubungan seks, biasanya untuk wang, namun kadang-kadang juga untuk dadah, barang kemas ataupun harta tanah.*

25. Berdasarkan kenyataan di atas, masalah ini memberikan kesan-kesan berikut;

- i. Imej negara yang baik
  - ii. Kelahiran anak luar nikah
  - iii. Masyarakat yang bermoral
  - iv. Kesan negatif kepada ekonomi
- A. i, ii  
B. i, iii  
C. ii, iv  
D. i, ii, iii

26. Kesan peningkatan isu rasuah yang berlaku hari ini ialah

- A. Birokrasi sistem pemerintahan akan terganggu
- B. Peningkatan ekonomi negara
- C. Kekurangan orang miskin
- D. Perniagaan dagangan maju meningkat

27. Langkah-langkah bagi mengatasi masalah rasuah dengan

- i. Penekanan duit pendahuluan bagi kenaikan jawatan
- ii. Pendedahan bahaya rasuah dalam pendidikan
- iii. Penubuhan suruhanjaya sayangkan rasuah
- iv. Penguatkuasaan undang-undang dan hukuman

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii, iv
- D. i, ii, iii

28. Kementerian berusaha untuk membanteras gejala buli kerana pelbagai maklum balas yang diterima daripada orang ramai. Langkah-langkah untuk mengatasi gejala ini seperti berikut

- i. pameran kesan gejala buli
- ii. menerapkan nilai-nilai buli di sekolah
- iii. undang-undang yang ketat bagi pembuli
- iv. ibu bapa yang yang mengamalkan penderaan

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii, iv
- D. i, ii, iii

29. Berikut adalah salah satu faktor ramai remaja terlibat dalam kes ragut.

- A. Keselamatan tempat yang terjaga
- B. Didikan yang baik dari ibu bapa
- C. Bagi mendapatkan dadah
- D. Kemewahan yang banyak

30. Masyarakat juga berperanan dalam pembentukan akhlak remaja. Antara peranannya ialah

- i. Mewujudkan sebuah organisasi belia remaja
  - ii. Mengaktifkan peranan badan bukan kerajaan (NGO)
  - iii. Memartabatkan seluruh institusi keagamaan Islam
  - iv. Menggesa sektor pendidikan untuk menzahirkan budaya hidup tidak sihat
- 
- A. i, ii
  - B. i, iii
  - C. ii, iv
  - D. i, ii, iii

30 MARKAH

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan di dalam Buku Jawapan

### SOALAN 1

- a. Nyatakan hakikat persamaan dalam Islam  
(2 Markah)
- b. Terangkan makna "bersih dalam pelaksanaan" berserta contoh.  
(4 Markah)
- c. Huraikan dasar hukum akhlak berserta dalil Al-Quran  
(4 Markah)

### SOALAN 2

- a. Apakah makna kebebasan dalam Islam.  
(2 Markah)
- b. Berikan **EMPAT (4)** kebebasan utama.  
(4 Markah)
- c. Terangkan **DUA (2)** ciri akhlak Islamiyah yang syumul.  
(4 Markah)

### SOALAN 3

- a. Berikan pengertian akhlak mazmumah dari segi bahasa dan istilah.  
(2 Markah)
- b. Tuliskan **EMPAT (4)** contoh akhlak mazmumah.  
(4 Markah)
- c. Terangkan pengertian mengumpat dan jenis-jenis mengumpat  
(4 Markah)

**SOALAN 4**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan materialistik berserta contoh  
(3 Markah)
- b. Nyatakan punca manusia bersifat seperti di atas.  
(3 Markah)
- c. Huraikan kesan materialistik.  
(4 Markah)

**SOALAN 5**

- a. Nyatakan dalil dalam Al-Quran tentang zina.  
(2 Markah)
- b. Berikan punca-punca berzina  
(4 Markah)
- c. Terangkan langkah-langkah untuk mengatasi zina di kalangan belia.  
(4 Markah)

40 MARKAH

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** sahaja soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah mengumumkan tahun ini sebagai kempen besar-besaran untuk memerangi jenayah berkaitan dadah. Timbalan Perdana Menteri berkata, ia berikutan peningkatan jumlah penagih dadah berdaftar seramai 26,660 orang pada tahun lalu, menjadikan keseluruhan 282,660 penagih direkodkan seluruh negara ketika ini.

Walau bagaimanapun, masih ramai lagi yang menagih dadah walau banyak langkah-langkah yang dibuat bagi mengatasi perkara ini. Oleh itu, terangkan **kesan-kesan penyalahgunaan dadah** yang semakin berlarutan.

(15 markah)

**SOALAN 2**

Undang-undang telah diwujudkan bagi tujuan melindungi mangsa dan penderaan mengikut Kanun Keseksaan, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 dan Akta Kanak-kanak 2001. Akan tetapi statistik kes penderaan kanak-kanak semakin meningkat daripada perbincangan dan laporan pihak polis.

Huraikan **punca-punca kes penderaan kanak-kanak** yang semakin melanda negara Malaysia.

(15 markah)

**SOALAN 3**

Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan hukum penggunaan rokok elektronik atau vape adalah haram dan keputusan itu dibuat setelah membuat pertimbangan daripada semua sudut termasuk syariah, perubatan dan saintifik serta unsur pembaziran dan budaya tidak sihat.

Berdasarkan pendapat anda, jelaskan **peranan** ibu bapa, rakan sebaya, dan masyarakat, sekolah dan negara dalam membantu menangani masalah **vape** ini.

(15 markah)

30 MARKAH

**KERTAS SOALAN TAMAT**

